

SOALAN NO. 489**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemilih baru yang berjaya didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sehingga 30 September 2017 dan bilangan warganegara yang belum didaftarkan lagi di setiap negeri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang didaftarkan dalam tempoh Januari 2017 hingga Jun 2017 adalah seramai 409,564 orang. Walau bagaimanapun, Daftar Pemilih Tambahan yang berakhir pada 30 September 2017 adalah masih di peringkat rang dan belum diwartakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga 30 Jun 2017 di seluruh negara adalah sebanyak 3,797,785 orang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (490)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]

SOALAN :-

YB. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk menangani isu lambakan sampah sarap sehingga mencemarkan alam sekitar terutama sekali sungai.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) diterimapakai di tujuh (7) buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah lambakan sampah sarap, pihak kerajaan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengambil tindakan melalui pendekatan-pendekatan seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang boleh diambil kepada mereka yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 71, Akta 672 yang memperuntukkan larangan terhadap perlonggokan, pengolahan, dsb., sisa pepejal terkawal tanpa kebenaran. Berdasarkan seksyen tersebut, mana-mana orang yang melanggar kesalahan yang dinyatakan boleh didenda

tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

2. Pemakaian Akta 672 tidak hanya tertakluk kepada sisa pepejal yang dijana dari kediaman isi rumah sahaja malahan turut meliputi premis komersial, institusi, industri dan tapak pembinaan.

3. Bagi tujuan kawalan dan pencegahan, SWCorp juga melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

- a) "Seal and Guard" diwujudkan sebagai salah satu langkah pemutihan lokasi *hotspot* sampah haram dan memastikan lokasi-lokasi pembuangan sampah haram dipantau secara berkala.
- b) Pemasangan *barrier tape* di lokasi *hotspot* sampah haram.
- c) Rondaan secara berkala dipergiat di kawasan *hotspot*.
- d) Pemasangan papan kenyataan / *banner* juga adalah alternatif yang membantu menyampaikan maklumat kepada masyarakat berkenaan

larangan untuk membuang sampah di kawasan yang tidak dibenarkan beserta dengan hukuman yang bakal dikenakan sekiranya tertangkap melakukan kesalahan tersebut.

- e) Kerjasama bersama masyarakat setempat, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan lain-lain untuk memastikan kawasan persekitaran komuniti sentiasa dalam keadaan terpelihara dari masalah lambakan sisa haram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sungai adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.